

PM yakin industri kereta negara berkembang

OH 17 FEB 2001

PUTRAJAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yakin industri automotif negara akan terus berkembang dengan penggunaan teknologi terkini bertaraf dunia sekailigus berupaya bersaing dengan pengeluar dari negara maju.

Serentak itu, Perdana Menteri meminta pengeluaran kereta nasional meningkatkan pembangunan enjin dan komponen untuk bersaing dengan pengeluar lain sebelum pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

"Kerajaan tidak boleh terus melindungi pengeluaran, sebaliknya pengeluar perlu berusaha meningkatkan mutu pengeluaran dengan kos pengeluaran lebih rendah," katanya pada majlis makan Meraiikan Kejayaan Pasukan Rali Petronas EON (PERT) di Sri Perdana, di sini malam ini.

Sepanjang tahun lalu, pemandu PERT, Karamjit Singh dan jurumudi Allen Oh yang bertanding dalam Kumpulan N memenangi tempat pertama keseluruhan rali Indonesia,

Thailand (pertama), Malaysia (kedua), Canberra (keenam) dan New Zealand (ke-18).

Majlis itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, serta Pengerusi Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON), Tan Sri Mohd Saleh Sulong.

Sambil mengucapkan tahniah atas kejayaan pe-

mandu dan pasukan PERT, Dr Mahathir berkata, kejayaan itu bukti Malaysia mampu mengeluarkan kereta bertaraf dunia.

Perdana Menteri berkata, kereta nasional juga berjaya bersaing dengan pengeluar utama di pasaran antarabangsa tanpa mendapat perlindungan daripada kerajaan.

"Saya yakin dengan dedikasi pengeluar tempatan, Malaysia mampu mengeluarkan kereta menggunakan enjin tempatan sepenuhnya setanding pengeluaran antarabangsa

pada masa depan," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan slogan Malaysia Boleh, pasukan PERT berjaya membuktikan negara mampu memenangi perlumbaan peringkat Asia Pasifik.

Kejayaan itu katanya bukan saja hasil pengeluaran kereta tempatan yang bermutu tinggi tetapi semangat kerja berpasukan mereka yang terpacu dalam perlumbaan berkenaan.

Sementara itu, Mohd Saleh meminta syarikat

korporat tempatan memberi sumbangan bagi membolehkan PERT bertanding dalam kereta Kumpulan A dengan dilengkapi kenderaan teknologi terkini.

Katanya, PERT memerlukan penajaan RM6.5 juta untuk menyertai rali Kumpulan A yang akan bermula dengan rali Canberra, pada 3 hingga 6 Mei depan.

PERT kini menerima tajaan Petronas, Penerbangan Malaysia (MAS), RalliArt Japan, Yokohama Rubber Co Ltd dan EON.